

# Syed Razlan tuntutan penjelasan Maszlee

**KUALA LUMPUR 3 Ogos** - Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail kesal apabila tidak diberikan sebarang alasan berhubung tempoh perkhidmatannya dipendekkan menerusi pemakluman sepucuk surat yang ditandatangani Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik.

Menurutnya, beliau boleh menerima keputusan penamatan kontraknya itu namun perlulah disertakan dengan alasan kukuh lebih-lebih lagi ia melibatkan satu jawatan tinggi dalam sebuah universiti.

"Saya ini lebih tua dan percaya lebih matang lagi dari segi kehidupan dan politik daripada dia, jadi eloklah saya dipanggil dan diberitahu sebab serta diberi pe-

luang untuk membuat penjelasan, kalau begitu saya boleh terima, kalau saya salah.

"Saya difahamkan, kononnya beliau mahu pertingkatkan governan di dalam universiti-universiti, jika begitu buatlah cara governan. Kalau mahu lebih autonomi diberikan kepada universiti awam, jangan masuk campur tangan, lembaga pengarah universiti bukan seorang, ia mengandungi ramai individu yang mempunyai pelbagai latar belakang, kepakaran dan pengalaman, mereka ini lebih bertanggungjawab," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* hari ini.

Media hari ini melaporkan



**SYED RAZLAN SYED PUTRA JAMALULLAIL**

Syed Razlan ditamatkan perkhidmatannya, tidak sampai setahun selepas dilantik atas sebab yang tidak dijelaskan oleh Maszlee.

Pemecatan Syed Razlan dimaklumkan kepada beliau melalui sepucuk surat bertarikh 17 Julai yang ditandatangani

oleh Maszlee. Surat berkenaan tidak menyatakan sebarang alasan sebaliknya hanya menyebut kontrak pelantikan Syed Razlan berkuat kuasa sehingga 16 Ogos ini iaitu 30 hari daripada tarikh surat.

Syed Razlan akan diganti oleh bekas Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Tan Sri

Ghauth Jasmon berkuat kuasa 19 Ogos ini.

Sementara itu, bekas Ahli Parlimen Arau dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pauh itu menjelaskan, beliau tidak menolak keputusan penamatan khidmatnya itu ada kaitan dengan siasatan yang sedang dijalankannya berhubung salah laku yang melibatkan pengurusan tertinggi di UPM.

"Saya dapat arahan daripada pihak kementerian sendiri iaitu Jabatan Pendidikan Bahagian Governan untuk membuat siasatan atas tiga pegawai tertinggi UPM berkaitan salah guna kuasa. Jadi apabila saya diminta untuk menyiasat, perlukah saya buat tak tahu sahaja, jika tidak nanti orang kata saya tidak buat kerja," katanya.